



EVE DAN LILITH DALAM KONSEP WANITA JUDAISME

Oleh:

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali¹
Bushrah Basiron²
ijamh@um.edu.my
bushrah@utm.my

ABSTRACT

The article attempts to discuss on issues related to Eve and Lilith as the important women according to Judaism. It discusses Eve as the first woman created by God according to the Torah and Lilith as an extremely controversial figure within Jewish folklore and Midrash. These two figures; Eve and Lilith are the keyword to understand the concept of women according to Judaism.

Keywords: Eve, Lilith, Judaism, Torah, Midrash.

¹ Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, PhD, merupakan Profesor Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Bidang kepakaran beliau adalah Kajian Perbandingan Agama dan Pemikiran Islam.

² Bushrah Basiron, M.A., merupakan pensyarah di Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia dan juga calon Doktor Falsafah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.



PENDAHULUAN

Secara umumnya, wanita menurut perspektif Judaisme mempunyai fungsi dan peranan yang tersendiri yang diterjemahkan melalui beberapa pernyataan sumber ajaran agama, tradisi lisan dan legenda. Konsep wanita Judaisme dibincangkan dengan merujuk kepada tradisi dan ajaran-ajaran yang terkandung di dalam kitab yang menjadi rujukan dan pegangan mereka. Pemahaman yang jelas dan tepat adalah penting untuk mengelakkan sebarang salah faham dan kekeliruan dalam memahami konsep wanita Judaisme secara menyeluruh. Sehubungan dengan itu, memahami kepentingan dan peranan wanita pertama dalam kepercayaan Judaisme yang dirujuk kepada Eve dan Lilith adalah kunci untuk terus memahami konsep wanita Judaisme. Ini kerana sejarah kewujudan, penciptaan, imej dan keperibadian mereka berdua merupakan asas kepada pembentukan kefahaman konsep wanita Judaisme. Untuk memahami perkara ini dengan lebih tuntas lagi, perbincangan akan tertumpu kepada konsep wanita Judaisme menurut kitab suci utama iaitu *Torah* yang menumpukan perbincangan kepada hak dan peranan serta tanggungjawab wanita dan kemudiannya perbincangan yang terarah kepada pernyataan *Torah* dan tradisi lisan atau legenda yang merujuk kepada dua nama wanita utama Judaisme iaitu Eve dan Lilith yang membentuk pemikiran dan pemahaman terhadap konsep wanita Judaisme.

KONSEP WANITA MENURUT KITAB TORAH

Dalam membicarakan konsep wanita menurut kitab *Torah*,³ terdapat dua

³ *Torah* berasal daripada perkataan Hebrew yang bererti ajaran, arahan atau panduan. Lihat Zwi Werblowsky, R. J. dan Wigoder, Geoffrey (1967), *The Encyclopedia of The Jewish Religion*, Jurusalem: Massada Press LTD., h. 387, di bawah perkataan *Torah*. Lihat juga Hook, Walter Farquhar (1952), *Church Dictionary*, London: John Murray, Albertmark Street, di bawah perkataan *Torah*; Douglas, J. D. (1962/1996), *The New Bible and Dictionary Bible*, London: The InterVarsity Fellowship, di bawah perkataan *Torah*. Lihat juga Mohd. Fauzi bin Haji Awang (1971), *Ugama-Ugama Di Dunia*, c. 2. Kelantan: Pustaka Aman Press, h. 134. Kitab *Torah* juga dikenali sebagai kitab Taurat yang menjadi kitab rujukan utama bagi agama Yahudi. Kitab ini mengandungi lima bahagian iaitu Kejadian (*Genesis*), Keluaran (*Exodus*), Imamat (*Leviticus*), Bilangan (*Number*) dan Ulangan (*Deuteronomy*). Lihat Bucaille, Maurice (1990), *The Bible, The Qur'an and Science*, New Delhi: Johar Offset Press, h. 1-107; Hook, Walter Farquhar (1952), *Church Dictionary*, London: John Murray, Albertmark Street, h. Chapter 1; Mohd. Rosmizi Abdul Rahman (2005), *Panduan Memilih Agama*, c. 1. Pahang: PTS Milennia Sdn. Bhd., h. 93-94.



Eve Dan Lilith Dalam Konsep Wanita Judaisme

konsep yang dinyatakan iaitu pertama: Wanita sebagai seorang individu, dan kedua: Wanita sebagai harta atau hak milik. Kedua-dua pernyataan ini lebih menumpukan perihal hak, tanggungjawab dan peranan wanita dalam Judaisme.

Wanita Sebagai Seorang Individu

Terdapat pelbagai pernyataan berhubung pemahaman Judaisme mengenai wanita sebagai seorang individu dan insan. Antaranya adalah:

- i. Wanita mendapat penghormatan sebagai seorang ibu sama seperti penghormatan yang diperolehi oleh bapa.⁴ Ini dinyatakan di dalam *Exodus 20:12*:⁵

Honor your father and your mother, that your days may be long upon the land that Adonai⁶ your God give you.

- ii. Hak memiliki harta pusaka dan harta warisan keluarga,⁷ seperti yang disebut di dalam *Numbers 27:1-8*:⁸

Then came the daughters of Zelophehad, the son of Hepher, the son of Gilead, the son of Machir, the son of Manasseh, of the families of Manasseh the son of Joseph; and these are the name of his daughters: Mahlah, Noah, and Hoglah, and Milcah, and Tirzah. And they stood before Moses, and before Eleazar the priest, and before the princes and all the congregation, by the door of the Tent of Meeting.

⁴ Salah satu daripada sepuluh rukun atau ajaran Judaisme (10 Comandments).

⁵ *The Holy Bible* (t.t.), London: Eyre and Spottiswoode Limited, h. 90. Lihat Goldstein, Elyse M. (2003), *Seek Her Out a Textual Approach to the Study of Women in Judaism*, New York: UAHC Press, h. 21.

⁶ *Adonai* dalam bahasa Hebrew bermaksud Tuhanku atau “*My Lord*”. Secara tradisinya digunakan untuk nama Tuhan YHWH. Ia digunakan sepanjang masa dalam pembacaan *Bible*. Tradisi *Talmud* melaporkan bahawa pengucapan asalnya telah dibuat oleh Rabai-rabai kepada pengikut mereka sekali atau dua kali dalam setiap tujuh tahun. Lihat Zwi Werblowsky dan Wigoder (1967), *op.cit.*, h. 13, di bawah perkataan *Adonai*; Douglas (1962/1996), *op.cit.*, di bawah perkataan *Adonai*.

⁷ Terdapat lima orang wanita iaitu anak-anak perempuan Zelophehad yang telah mengubah undang-undang pusaka atau warisan dengan jayanya dan memasukkan anak-anak perempuan sebagai waris dalam undang-undang pusaka Judaisme.

⁸ *The Holy Bible* (t.t.), *op.cit.*, h.196-197. Lihat Goldstein (2003), *op.cit.*, h. 21.



of Meeting, saying: “Our father died in the wilderness, and he was not in the company of those who gathered themselves together against Adonai in the company of Korah; but died in his own sin, and had no sons. Why should the name of our father be taken away from among his family, because he had no sons? Give to us therefore a possession among the brothers of our father”. And Moses brought their cause before Adonai. And Adonai spoke to Moses, saying: “The daughters of Zelophehad speak right; you shall surely give them a possession of an inheritance among their father’s brothers; and you shall cause the inheritance of their father to pass to them. And you shall speak to the people of Israel, saying, if the man dies, and has no son, then you shall cause his inheritance to pass to his daughter”.

- iii. Tiada seorang bapa pun yang boleh memaksa anaknya menjadi pelacur. Hal ini dinyatakan di dalam *Leviticus* 19:29:⁹

Do not prostitute your daughter, to cause her to be a harlot, lest the land fall to harlotry and the land become full of wickedness.

- iv. Wanita bebas menjadi *Nazirites*, iaitu “golongan suci” seperti tercatat di dalam *Numbers* 6:2:¹⁰

Speak to the people of Israel, and say to them: When either man or woman shall separate themselves to vow a vow of a Nazirite, to separate them for Adonai...

- v. Wanita-wanita mandul yang berada dalam keadaan tertekan dan putus harapan tidak wajar dibuang oleh suami atau puak mereka. Janda-janda pula perlu diberi perhatian oleh seluruh masyarakat. Larangan keras meletakkan wanita sebagai harta seksual, larangan keras dalam perzinaan dengan anak-anak perempuan dan menantu-

⁹ *The Holy Bible* (t.t.), *op.cit.*, h.144. Lihat Goldstein (2003), *op.cit.*, h. 22.

¹⁰ *The Holy Bible* (t.t.), *op.cit.*, h.165. Lihat Goldstein (2003), *op.cit.*, h. 22.



Eve Dan Lilith Dalam Konsep Wanita Judaisme

menantu perempuan serta saudara-saudara perempuan yang lain. Hal ini dinyatakan di dalam *Leviticus* 18:9-15:¹¹

The nakedness of our sister, the daughter of your father or the daughter of your mother; whether she was born at home or born abroad, their nakedness you shall not uncover. The nakedness of your son's daughter; or of your daughter's daughter, their nakedness you shall not uncover; for theirs is your own nakedness. The nakedness of your father's wife's daughter, fathered by your father; she is your sister, you shall not uncover her nakedness. You shall not uncover the nakedness of your father's sister; she is your father's flesh. You shall not uncover the nakedness of your mother's sister; for she is your mother's flesh. You shall not uncover the nakedness of your father's brother: do not approach his wife; she is your aunt. You shall not uncover the nakedness of your daughter-in-law: she is your son's wife; you shall not uncover her nakedness.

- vi. Rukun atau suruhan Tuhan supaya berehat ketika hari *Sabbath*¹² diaplikasikan secara sama rata kepada lelaki dan perempuan. Hal ini diterangkan di dalam *Exodus* 20: 8-10:¹³

¹¹ *The Holy Bible* (t.t.), *op.cit.*, h.141-142. Lihat Goldstein (2003), *op.cit.*, h. 22.

¹² *Sabbath* merupakan hari berehat daripada sebarang kerja bagi masyarakat Judaisme dan tumpuan untuk beribadat kepada Tuhan. *Sabbath* dikenali sebagai hari rehat mingguan, bermula daripada matahari terbenam pada hari Jumaat sehingga menjelang senja pada hari Sabtu. Menurut *Genesis* 2: 1-3, *Sabbath* didirikan sebagai hari kesucian dan keberkatan pada hari ketujuh kejadian; rukun dalam sepuluh rukun *Decalogue*. “Remember the Sabbath day, to keep it holy” dalam *Exodus* 20:8 merujuk kepada *Sabbath* pertama tentang kejadian. Meskipun institusi *Sabbath* amat memperingkatkan pentingnya sosial, tujuan utamanya menjurus kepada keagamaan; iaitu “a Sabbath unto the Lord, thy God”. Ia diambil sebagai peringatan abadi bahawa Tuhan adalah Pencipta dan Pemerintah alam semesta, dan bahawa manusia yang diberi kuasa pemerintahan ke atas makhluk lain tidak boleh menganggapnya sebagai kuasa peribadi tetapi mestilah mentadbirnya menurut kehendak Tuhan seperti yang terkandung di dalam undang-undangNya. Kesucian hari *Sabbath* diasaskan terutamanya dengan larangan melakukan sebarang kerja. Lihat Zwi Werblowsky dan Wigoder (Dr.) (1967), *op.cit.*, h. 336.

¹³ *The Holy Bible* (t.t.), *op.cit.*, h.90. Lihat Goldstein (2003), *op.cit.*, h. 22.



Remember the Sabbath day, to keep it holy. Six days shall you labor and do all your work; but the seventh day is the Sabbath of Adonai your God; in it you shall not do any work, you, nor your son, nor your daughter, your manservant, nor your maidservant, nor your cattle, nor your stranger who is within your gates.

Melalui pernyataan-pernyataan di atas, jelas menunjukkan bahawa wanita dalam Judaisme mempunyai hak untuk dihormati sebagai seorang insan. Ia juga sekaligus membuktikan bahawa wanita dalam Judaisme turut memiliki kebebasan berperanan dan bertanggungjawab sebagai anggota masyarakat.

Wanita Sebagai Harta atau Hak milik

Menurut Judaisme, selain wanita mempunyai hak untuk dihormati sebagai seorang insan, terdapat juga pernyataan-pernyataan yang menunjukkan bahawa wanita dianggap sebagai harta atau hak milik kaum lelaki yang lebih tertumpu kepada hak milik ibubapa dan suami.

- i. Di dalam *Exodus* 20:17, wanita adalah antara benda yang disenaraikan sebagai kepunyaan lelaki:¹⁴

You shall not covet your neighbor's house, you shall not covet your neighbor's wife, nor his manservant, nor his maidservant, nor his ox, nor his ass, nor anything that is your neighbor's.

- ii. Menurut *Deuteronomy* 22:13-21, seseorang suami boleh mencabar kesucian dara isterinya di khalayak ramai (dan dia mesti terus menjadi isterinya walaupun dibuktikan oleh bapa wanita tersebut bahawa suaminya adalah salah dengan menunjukkan empat bukti samar-samar tentang kesuciannya).¹⁵

If a man takes a wife, and goes in to her, and hates her, and gives accusing speeches against her, and brings an evil name upon her, and says, "I took this woman, and when I came to her, I did

¹⁴ *The Holy Bible* (t.t.), *op.cit.*, h. 90. Lihat Goldstein (2003), *op.cit.*, h. 18.

¹⁵ *The Holy Bible* (t.t.), *op.cit.*, h. 236-237. Lihat Goldstein (2003), *op.cit.*, h. 18.



Eve Dan Lilith Dalam Konsep Wanita Judaisme

not find in her the signs of virginity”, then shall the father of the girl, and her mother, take and bring forth the signs of the girl’s virginity to the elders of the city in the gate. And the girl’s father shall say to the elders, “I gave my daughter to this man to wife, and he hates her; and, behold, he has given accusing speeches against her, saying, “I found not your daughter a virgin”; and yet these are the signs of my daughter’s virginity”. And they shall spread the cloth before the elders of the city. And the elders of the city shall take that man and chastise him; and they shall fine him a hundred shekels of silver, and give them to the father of the girl, because he has brought up an evil name upon a virgin of Israel; and she shall be his wife; he may not put her away all his days. But if this thing is true, and the signs of virginity are not found for the girl, then they shall bring out the girl to the door of her father’s house, and the men of her city shall stone her with stones that she die; because she has perpetrated wantonness in Israel, to play the harlot in her father’s house; so shall you put evil away from among you.

- iii. Walaupun wanita berhak untuk bersumpah seperti lelaki, seorang bapa boleh membatalkan sumpah anak perempuannya atau suami boleh membatalkan sumpah isterinya. Perkara ini dinyatakan di dalam *Numbers 30:4-14*.¹⁶

If a woman also vows a vow to Adonai and binds herself by a bond, being in her father’s house in her youth, and her father hears her vow and her bond with which she has bound her soul and her father shall hold his peace at her, then all her vows shall stand, and every bond with which she has bound her soul shall stand. But if her father disallows her in the day that he hears, not one of her vows or of her bonds with which she has bound her soul shall stand; and Adonai shall forgive her; because her father disallowed her. And if she had a husband when she vowed or uttered anything out of her lips with which she bound her soul, and her husband heard it and held his peace at her in the day that he heard it, then her vows shall stand, and her bonds with which she bound her soul shall stand. But if her husband disallowed her on the day that

¹⁶ *The Holy Bible* (t.t.), op.cit., h. 200-201. Lihat Goldstein (2003), op.cit., h. 19.



he heard it, then he shall make her vow which she vowed and that which she uttered with her lips with whih she bound her soul of no effect; and Adonai shall forgive her. But every vow of a widow and of her who is divorced, with which they have bound their souls, shall stand against her. And if she vowed in her husband's house or bound her soul by a bond with an oath, and her husband heard it, and held his peace at her, and disallowed her not, then all her vows shall stand, and every bond with which she bound her soul shall stand. But if her husband has utterly made them void on the day he heard them, then whatever proceeded out of her lips concerningher vows or concerning the bond of her soul shall not stand; her husband has nade them void, and Adonai shall forgive her. Every vow, and every binding oath to afflict the soul, her husband may establish it, or her husband may make it void.

- iv. Seseorang suami boleh mengaibkan isterinya di khalayak umum jika dia mengsyaki isterinya berzina ataupun perasaan cemburu datang dalam dirinya. Perkara ini diterangkan dalam di dalam *Numbers 5:12-31*:¹⁷

Speak to the people of Israel, and say to them: If any man's wife goes astray and commits a trespass against him, and a man lies with her canally, and it is hidden from the eyes of her husband, and this is kept undetected, and she is defiled, and there is no witness against her, since she was not caught in the act; and the spirit of jealousy comes upon him, and he is jealous of his wife, and she is defiled; or if the spirit of jealousy comes upon him, and he is jealous of his wife, and she is not defiled; then shall the man bring his wife to the priest, and he shall bring her offering for her, the tenth part of an ephah of barley meal; he shall pour no oil upon it, nor put frankincense on it; for it is an offering of jealousy, an offering of memorial, bringing iniquity to remembrance. And the priest shall bring her near, and set her before Adonai; and the priest shall take holy water in an earthen utensil; and of the dust that is in the floor of the Tabernacle the priest shall take and put it into the water; and the priest shall set the woman before Adonai,

¹⁷ *The Holy Bible* (t.t.), *op.cit.*, h. 165-166. Lihat Goldstein (2003), *op.cit.*, h. 19-21.



Eve Dan Lilith Dalam Konsep Wanita Judaisme

and loosen the hair of the woman's head, and put the offering of memorial in her hands, which is the meal offering of jealousy; and the priest shall have in hand the bitter water that causes the curse. And the priest shall charge her by an oath, and say to the woman, " If no man has lain with you, and if you have not gone astray to uncleanness with another instead of your husband, be you free from this bitter water that causes the curse; but if you have gone astray with another instead of your husband, and if you are defiled, and some man has lain with you other than your husband"; then the priest shall charge the woman with an oath of cursing, and the priest shall say to the woman, "Adonai make you a curse and an oath among your people, when Adonai makes your thigh fall away, and your belly swell. And that water that causes the curse shall go into your bowels, to make your belly swell, and your thigh to fall away". And the woman shall say, "Amen, amen". And the priest shall write these curses in a book, and she shall blot them out with the bitter water; and he shall cause the woman to drink the bitter water that causes the curse; and the water that causes the curse shall enter into her and become bitter. Then the priest shall take the meal offering of jealousy from the woman's hand, and shall wave the offering before Adonai, and offer it upon the altar; and the priest shall take a handful of the offering, its memorial, and burn it upon the altar, and afterward shall cause the woman to drink the water. And when he has made her drink the water, then it shall come to pass, that, if she is defiled and has trespassed against her husband, the water that causes the curse shall enter into her, and become bitter, and her belly shall swell, and her thigh shall fall; and the woman shall be a curse among her people. And if the woman is not defiled, but is clean; then she shall be free and shall conceive seed. This is the Torah of jealousies, when a wife goes astray with another instead of her husband, and is defiled; or when the spirit of jealousy comes upon him, and he is jealous over his wife, and shall set the woman before Adonai; and the priest shall execute upon her all this Torah. Then shall the man be guiltless from iniquity, and this woman shall bear her iniquity.

Berasaskan pernyataan-pernyataan tersebut memperlihatkan bahawa hak dan tanggungjawab wanita Judaisme adalah tertakluk kepada peranannya sebagai hamba Tuhan dan tanggungjawabnya sebagai anak



perempuan dan isteri. Justeru, wanita Judaisme wajar mentaati perintah ibubapa dan suaminya. Apabila diperhalusi, perkara ini adalah wajar dalam menentukan tanggungjawab dan peranan seorang wanita terhadap keluarga dan agamanya. Wanita yang telah bersuami diperlihatkan perlu membuktikan ketaatannya kepada suaminya berbanding bapanya seperti yang dijelaskan dalam pernyataan pembuktian kesuciannya. Ini memberi penerangan bahawa wanita yang bersuami adalah hak milik suami dan bukan lagi hak milik bapanya. Begitu juga dalam persoalan sumpah yang menjelaskan bahawa bapa boleh membatalkan sumpah anak gadisnya dan suami juga boleh membatalkan sumpah isterinya. Ini memberi gambaran bahawa anak gadis adalah milik bapa dan isteri adalah milik suami. Kedua-dua pernyataan ini membuktikan bahawa wanita bertanggungjawab terhadap keluarga masing-masing mengikut kedudukannya sama ada sebagai anak gadis atau sebagai isteri.

Berdasarkan perbincangan tersebut, pelaksanaan tanggungjawab wanita dalam aspek kekeluargaan Judaisme adalah wajar difahami dan perlu dinilai dari aspek situasi masyarakat Judaisme. Umpamanya dalam pernyataan yang menyebut bahawa seorang suami memiliki hak untuk mengaibkan isterinya yang disyaki berzina adalah bersesuaian dengan '*uruf* masyarakat tersebut tetapi tidak dalam masyarakat lain. Sehubungan itu, apabila dinilai dari perspektif dan penilaian masyarakat dan keyakinan yang berbeza; perkara tersebut dilihat sebagai 'agak' keterlaluan kerana seolah-olah merendahkan martabat wanita. Umpamanya suami berhak untuk mengaibkan isterinya di khalayak masyarakat Judaisme sekiranya disyaki berzina. Bagaimanapun hal ini dilihat dalam masyarakat Judaisme, wanita adalah 'milik' suami yang wajar mentaati dan mematuhi, manakala masyarakat Judaisme merupakan kelompok masyarakat yang saling mempunyai hubungan darah yang erat. Ini menjelaskan masyarakat tersebut masih dalam lingkungan kekeluargaan; yang membuktikan masalah keluarga diuruskan dalam lingkungan keluarga. Perihal yang sama juga berlaku sekiranya wanita itu adalah anak gadis bapanya iaitu 'milik' bapanya; beliau wajar mentaati bapanya. Dalam hal yang sama, wanita Judaisme masih memiliki hak dan tanggungjawab sebagai individu dan manusia yang jelas memperlihatkan mereka masih memiliki 'kebebasan'. Ini memberi erti bahawa wanita Judaisme yang berkeluarga sewajarnya meletakkan keluarga sebagai keutamaan berbanding hak diri mereka sebagai individu tetapi hak mereka itu tidak ternafi.



KONSEP WANITA PERTAMA MENURUT PERSPEKTIF JUDAISME

Dalam usaha untuk memahami lebih lanjut berhubung wanita Judaisme adalah wajar dilihat kepada latarbelakang pemahaman masyarakat Judaisme berhubung wanita. Perbezaan pemikiran dan pandangan masyarakat Judaisme terhadap wanita adalah dinilai daripada kisah yang telah turut menjadi ‘sumber utama’ pemikiran mengenai wanita Judaisme berkembang. Masyarakat Judaisme mempercayai peranan dan tanggungjawab yang diperlihatkan oleh dua wanita yang digelar wanita pertama iaitu Eve dan Lilith merupakan dasar kepada perkembangan pemikiran terhadap wanita Judaisme. Pernyataan berhubung wanita pertama; Eve lebih menonjol dalam kitab utama Judaisme iaitu kitab *Torah*, manakala pernyataan berhubung wanita pertama; Lilith lebih menonjol dalam legenda dan cerita rakyat Judaisme. Kedua-dua pernyataan dan kisah wanita tersebut telah memberi impak dalam pemikiran dan pandangan masyarakat Judaisme terhadap wanita.

EVE

Sejarah Eve Secara Umum

Eve lazimnya disinonimkan sebagai wanita pertama yang dicipta Tuhan dan penjelasan kisah Eve sering digandingkan dengan kisah Adam. Umpamanya dalam sumber-sumber Judaisme seperti *Midrash*¹⁸ yang menjelaskan perkahwinannya dengan Adam.¹⁹ Di dalam kitab *Torah*, diceritakan Tuhan mencipta Adam. Kemudian, teks tersebut diikuti dengan penceritaan tentang Eve. Selepas mencipta Adam, Tuhan mengatakan dalam *Genesis* 2:18:²⁰ “*It is not good that man be alone; I will make him a helper..*”.

¹⁸ *Midrash* ialah kitab yang memuatkan penemuan maksud-maksud yang berbeza daripada perkataan yang terdapat di dalam *Bible*. Ia diambil dari kata “*darash*” yang bermaksud “untuk bertanya” atau “untuk menyelidiki”, yang melambangkan bahawa ia adalah hasil penulisan yang menterjemahkan ayat-ayat suci Yahudi untuk tujuan mendapatkan implikasi-implikasi dan makna yang lengkap. Lihat Zwi Werblowsky dan Wigoder (1967), *op.cit.*, h. 261; Douglas (1962/1996), *op.cit.*, di bawah perkataan *Midrash*.

¹⁹ Gottlieb (1995), *op.cit.*, h. 78.

²⁰ *The Holy Bible* (t.t.), *op.cit.*, h. 7. Lihat <http://www.torah.org> pada 19 Mac 2008.



“*The helper*” yang dimaksudkan di dalam teks ini ialah Eve. Malahan nama Adam dan Eve sendiri memperlihatkan peranan mereka dalam kehidupan. Ini kerana nama Adam berasal daripada perkataan *Hebrew*²¹ iaitu *Adomah* yang bermaksud “*man*” atau lelaki, manakala Eve pula bermaksud “*life*” atau kehidupan.²² Adam menamakan Eve, yang disebut di dalam *Hebrew* sebagai “*hay*”, bermaksud memberi kehidupan setelah Tuhan menjelaskan bahawa wanita tersebut akan menjadi isterinya.²³ Selain itu, terdapat pernyataan-pernyataan lain yang lengkap yang menceritakan Adam dan Eve di dalam *Genesis* 1:26 hingga *Genesis* 5:5.²⁴ Di dalam *Genesis* 1: 26 dinyatakan:²⁵

And God said, Let us make man in our image, after our likeness: and let them have dominion over the fish of the sea, and over the fowl of the air, and over the cattle, and over all the earth, and over every creeping things that creepeth upon the earth.

²¹ Hebrew bermaksud anggota suku kaum Semitik di Palestin kuno atau orang Hebrew. Ia turut merujuk kepada bahasa yang dipertuturkan oleh suku kaum Semitik. Lihat Botterweck, G. Johannes dan Ringgren, Helmer (eds.) (1974), *Theological Dictionary of The Old Testament*, Grand Rapids: William B. Eerdmans Publishing Company, h. 79; Douglas (1962/1996), *op.cit.*, di bawah perkataan Hebrew; Messenger, Ernest C. (1931), *Evolution and Theology*, London: Burn Oates and Washbourne Ltd. h. 108; Hornby, A. S. (2007), *Oxford Compact Advanced Learner's English-Malay Dictionary*, Asmah Haji Omar (terj.). Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd. , h. 666.

²² Guthrie, D. et al. (1970), *The New Bible Commentary Revised*, London: Intervarsity Press, h. 85; Jerusalem (1972), *Encyclopaedia Judaica*, Jerusalem: Keter Publishing House, h. 235; Oxford (1992), *Dictionary of Saints*, 3rd edition. New York: Oxford University Press, h. 173; <http://www.allaboutcreation.org> .19 Mac 2008.

²³ Baker, William P. (1966), *Everyone in the Bible*, New York: Fleming H. Revell Company, h. 103; Khadijah Mohd. Khambali (2004), “Interpretations of Eternal Tree (Shajaratul-Khuldi) According To Christian Scholars and Mufassirun”, Tesis Ph.D, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 54.

²⁴ Sila rujuk Michigan (1996), *The Holy Bible, New International Version Containing The Old Testament and New Testament*, Michigan: Grand Rapids; Messenger (1931), *op.cit.*; <http://www.allaboutcreation.org> pada 19 Mac 2008.

²⁵ *The Holy Bible* (t.t.), *op.cit.*, h. 6.



Eve Dan Lilith Dalam Konsep Wanita Judaisme

Pengklasifikasi Peranan Eve

Apabila membincangkan Eve, kebanyakan keterangan mengenainya sering digandingkan dengan kisah Adam. Justeru, terdapat beberapa pengklasifikasi peranan yang diberikan kepada mereka iaitu:²⁶

i. Adam dan Eve: *The First Gardeners*

Di dalam Judaisme, Eve dikenali sebagai “*Woman of The Plants*”.²⁷ Adam dan Eve merupakan penghuni syurga yang pertama. Mereka tinggal di dalam syurga yang dikenali sebagai *The Garden of Eden*. Di dalam *Genesis* 2:15-20, Tuhan memerintahkan Adam supaya menjaga syurga, menamakan binatang-binatang dan makan buah-buahan syurga kecuali buah daripada pokok yang dikenali sebagai *the tree of the knowledge of good and evil*.²⁸ Ini dinyatakan dalam *Genesis* 2:

16-17:²⁹

And the LORD God took the man, and put him into the garden of Eden to dress it and to keep it. And the LORD God commanded the man, saying, Of every tree of the garden thou mayest freely eat: But of the tree of the knowledge of good and evil, thou shalt not eat of it: for in the day that thou eatest thereof thou shalt surely die...

ii. Adam dan Eve: *The First Parents*

Adam dan Eve merupakan ibubapa yang pertama dan Eve adalah ibu kepada semua manusia.³⁰ Hal ini diperakui oleh agama Yahudi, Nasrani dan Islam bahawa semua manusia di atas muka bumi adalah berasal

²⁶ Sila rujuk Michigan (1996), *op.cit.*; Messenger (1931), *op.cit.*.

²⁷ Gottlieb, Lynn (1995), *She Who Dwells Within a Feminist Vision of a Renewed Judaism*, U.S.A: Harper San Francisco, h. 85.

²⁸ Dalam memperkatakan tentang *The Garden of Eden*, *Tree of Life* disebutkan bersama-sama dengan *the tree of the knowledge* (*Genesis* 2:9), penyingkirkan Adam dari *The Garden of Eden* (*Genesis* 3: 23-24) setelah memakan buah dari pokok yang dikenali sebagai *the tree of the knowledge*, beliau mungkin juga mengambil sebahagian (buah) dari pokok tersebut dan kesannya menyebabkannya kekal abadi. Lihat Zwi Werblowsky dan Wigoder (1967), *op.cit.*, h. 389. Lihat juga Khadijah Mohd. Khambali (2004), *op cit.*, h. 55-59.

²⁹ *The Holy Bible* (t.t.), *op.cit.*, h. 6-7.

³⁰ Rujuk Deen, Edith (1955), *All of the Woman of the Bible*, New York: Harpers and Brothers Publisher, h. 5; Khadijah Mohd. Khambali (2004), *op.cit.*, h. 55.



daripada keturunan mereka berdua. *Genesis 3: 20 menyatakan:*³¹ “*Adam named his wife Eve because she was the mother of all human beings*”.

Menurut Judaisme, Adam dan Eve mempunyai 56 orang anak³² termasuk Cain, Abel dan Seth.³³ Ini adalah sesuatu yang mungkin kerana Adam hidup sehingga berumur 930 tahun dan ia juga adalah sebagai satu metode pengembangan zuriat manusia. Ini disebutkan di dalam *Genesis 5:5*:³⁴ “*And all the days that Adam lived were nine hundred and thirty years: and he died*”.

iii. Adam dan Eve: *The First People Who Disobey God*

Adam dan Eve adalah manusia pertama yang melakukan kesalahan. Seperti yang disebut dalam *Genesis 2:16-17*, Tuhan telah berfirman kepada Adam bahawa dia bebas memakan buah daripada mana-mana pokok di dalam Syurga kecuali *the tree of the knowledge of good and evil*. Tuhan mengatakan bahawa dia akan mati jika memakan buah tersebut.³⁵

And the LORD God commanded the man, saying, Of every tree of the garden thou mayest freely eat: But of the tree of the knowledge of good and evil, thou shalt not eat of it: for in the day that thou eatest thereof thou shalt surely die.

Dalam hal ini, Eve telah dihasut supaya memakan buah tersebut oleh syaitan yang bercakap melalui seekor ular yang disebut sebagai *the Serpent*.³⁶ Eve kemudiannya membawa buah tersebut kepada Adam dan

³¹ *The Holy Bible* (t.t.), *op.cit.*, h. 8.

³² Deen (1955), *op.cit.*, h. 5-7; Philips, John A. (1984), *Eve*, San Fransisco: Harper and Row Publisher, h. 28; <http://www.allaboutcreation.org> pada 19 Mac 2008.

³³ Deen (1955), *op.cit.*, h. 7; <http://en.wikipedia.org> pada 19 Mac 2008.

³⁴ *The Holy Bible* (t.t.), *op.cit.*, h. 9.

³⁵ *The Holy Bible* (t.t.), *op.cit.*, h. 7; Bon Hoeffer, Dietrich (1978), *Creation and Fall*, New York: Macmillan Publishing, C., Inc., h. 48; Molman, Jurgen (1985), *God in Creation*, San Fransisco: Harper and Row Publisher, h. 62; Lihat <http://www.allaboutcreation.org> pada 19 Mac 2008.

³⁶ *The Serpent* merupakan seekor ular besar yang yang terdapat dalam ajaran dan tradisi Judaisme khususnya berkaitan kesalahan Adam dan Eve yang memakan buah yang dilarang oleh Tuhan di dalam Syurga. *The Serpent* dalam agama Kristian juga mewakili Syaitan. Manakala di dalam ajaran Islam, kewujudan dan peranan ular besar dalam peristiwa ini tidak wujud sama sekali. Lihat Molman (1985), *op.cit.*, h. 68; Khadijah Mohd. Khambali (2004), *op.cit.*, h. 68-77. *Serpent* juga



Eve Dan Lilith Dalam Konsep Wanita Judaisme

Adam memakannya walaupun mengetahui bahawa dia telah melakukan sesuatu yang salah. Pun begitu, kesilapan mereka berdua yang ditonjolkan oleh Eve merupakan asas kepada konsep wanita Judaisme dibentuk. Justeru memahami penciptaan Eve adalah juga penting untuk menilai konsep wanita Judaisme.

Penciptaan Eve Menurut Judaisme

Genesis merekodkan dua versi penciptaan wanita pertama, iaitu Eve. Versi pertama lebih bersifat umum yang merujuk kepada penciptaan manusia yang meliputi lelaki dan wanita, sementara versi kedua lebih terperinci membincarkan mengenai Eve. Malahan, versi kedua lebih diterima secara meluas dalam kalangan penganut Kristian dan pakar-pakar agama Katholik.³⁷ Dalam membincangkan penciptaan wanita pertama yang merujuk kepada Eve, *Genesis* 1: 26-29 menyatakan:³⁸

And God said: Let us make Adam in our image, in our likeness. They shall rule the fish of the sea, the birds of the sky, the cattle, the whole earth, and all the creeping things tht creep on earth. And God created the Adam in God's image, in the image of God was it created; male and female God created them. And God blessed them and said to them, "Be fruitful and multiply...".

Secara lebih terperinci, *Genesis* 1:26 memberikan gambaran umum bahawa Tuhan menciptakan manusia yang meliputi lelaki dan wanita. Ia turut menjelaskan bahawa penciptaan wanita yang merujuk kepada Eve selepas Adam diciptakan. *Genesis* 1:27 juga memberi penjelasan umum dengan menegaskan bahawa penciptaan lelaki dan wanita itu adalah dalam imej Tuhan.³⁹

dikenali sebagai *Nehushtan* yang berasal daripada perkataan Hebrew "nahash" yang bererti ular dan "nehoshet" yang bererti tembaga iaitu seekor ular tembaga yang dipuja atau disembah oleh orang Israel. Lihat Zwi Werblowsky dan Wigoder (1967), *op.cit.*, h. 238, di bawah perkataan *nahash* dan lihat Douglas (1962/1996), *op.cit.*, di bawah perkataan *nahash*. Cerita yang sama terdapat dalam Fakhr al-Din al-Razi, *Mafatih al-Ghayb –al-Tafsir al-Kabir*.

³⁷ Molman (1985), *op.cit.*, h. 70.

³⁸ *The Holy Bible* (t.t.), *op.cit.*, h. 6; Philips (1984), *op.cit.*, h. 27; Goldstein (2003), *op.cit.*, h. 13.

³⁹ Philips (1984), *op.cit.*, h. 27; Khadijah Mohd. Khambali (2004), *op.cit.*, h. 53.



Dalam versi kedua mengenai penciptaan Eve, *Genesis* 2: 18-22 menyatakan:⁴⁰

Adonai God said: "It is not good for the Adam [or: the man] to be alone; I will make a fitting helper for him/ it [or: a helper in opposition to him/it]". And Adonai God formed out of the earth all the wild beasts and all the birds of the sky, and brought them to the Adam to see what it would call them. Whatever the Adam called each living creature, that would be its name. And the Adam gave names to all the cattle and the birds of the sky and to all the wild beasts; but for Adam no fitting helper was found. So Adonai God cast a deep sleep upon the Adam, and while he slept, God took one of his sides [or: ribs] and closed up the flesh at that spot. And Adonai God fashioned the side that He had taken from the Adam into a woman, and He brought her to the Adam...

Ternyata versi kedua memberikan gambaran yang lebih jelas tentang penciptaan Eve. *Genesis* 2:23 menguatkan pernyataan tentang penciptaan seorang wanita daripada Adam:

Then the Adam said, "This one, this time, is bone of my bones and flesh of my flesh. She shall be called woman, for from man was she taken..."

Di dalam kitab *Torah*, *Genesis* 2:21-23 menyatakan bahawa Tuhan telah menjadikan Adam tidur dengan nyenyak dan mengambil satu bahagian badannya yang dikenali sebagai tulang rusuk dan menjadikan Eve daripadanya untuk menemani Adam yang kesunyian. Bagaimana pun, menurut tradisi atau kepercayaan asal masyarakat Judaisme dalam *Midrash Rabbah-Genesis* VIII:1, Tuhan pada asalnya menjadikan Adam sebagai khunsa yang bermaksud badan dan jiwanya merangkumi lelaki dan wanita. Tetapi kemudiannya Tuhan memutuskan bahawa tidak baik untuk Adam hidup keseorangan. Justeru, dipisahkannya menjadi dua

⁴⁰ *The Holy Bible* (t.t.), op.cit., h. 7; Goldstein (2003), op.cit., h. 14.



Eve Dan Lilith Dalam Konsep Wanita Judaisme

orang yang berbeza iaitu Adam dan Eve.⁴¹ Oleh itu, Adam dan Eve adalah saling berkaitan sejak dari mula lagi.

Kedua-dua pernyataan tersebut menjelaskan bahawa lelaki pertama adalah sinonim dengan wanita pertama dari aspek penciptaan. Ini akan menjadikan perhubungan mereka lebih selesa dan harmoni. Apabila dua jiwa dan badan dipisahkan dan seterusnya menjadikan Eve berbeza daripada Adam dari aspek fizikal, spiritual dan emosi; adalah hanya untuk memastikan Adam selesa dengan pasangannya.⁴² Mereka diibaratkan satu kumpulan yang lengkap-melengkapi kekurangan dan kelebihan yang ada pada diri masing-masing.⁴³

Berasaskan perbincangan tersebut memperlihatkan bahawa Eve digambarkan sebagai wanita pertama yang turut bergandingan bersama Adam dalam menjalani kehidupannya di *Gardens*. Ini menjelaskan bahawa Eve adalah wanita yang mentaati suaminya Adam. Walaubagaimanapun, Eve turut diperlihatkan sebagai wanita yang telah turut sama mengheret Adam melakukan penderhakaan kerana tidak mematuhi perintah Tuhan yang melarang mereka dari mendekati *tree of knowledge of good and evil*.

Ini bererti Eve memiliki hak sebagai individu walaupun membawanya kepada kesalahan. Atau dengan kata lain, situasi ini menjelaskan bahawa Eve mempunyai hak untuk bertindak sendirian tanpa merujuk kepada suaminya, Adam. Bahkan Eve mampu mengajak Adam bersama-sama melakukan perbuatan yang kemudiannya mengheret mereka berdua menderhaka kepada Tuhan.

Kedua-dua peranan dan tanggungjawab Eve ini telah menjadi asas kepada pembentukan pemahaman terhadap konsep wanita Judaisme. Oleh itu, untuk lebih jelas lagi mengenai perkara ini, adalah wajar dikemukakan

⁴¹ Ellicot, Charles John (1954), *Ellicot's Commentary on the Whole Bible*, Grand Rapids: Zondervan Publishing House, h. 22; Philips (1984), *op.cit.*, h. 27; <http://en.wikipedia.org> pada 19 Mac 2008.

⁴² St. Augustine (1950/1999/2000), *The City of God*, Marcus Dods, D. D. (terj.), New York: The Modern Library, h. 422-423; Khadijah Mohd. Khambali (2004), *op.cit.*, h. 52.

⁴³ St. Augustine (1950/1999/2000), *op.cit.*, h. 423; <http://www.torah.org> pada 19 Mac 2008.



perbincangan mengenai Lilith yang turut dirujuk sebagai wanita pertama walaupun namanya hanya menonjol dalam tradisi lisan dan lagenda. Namun ia turut memberi impak dalam pembentukan pemahaman mengenai wanita Judaisme.

LILITH

Sejarah Lilith Secara Umum

Lilith mempunyai sejarah tersendiri khususnya dalam lagenda dan cerita rakyat Judaisme. Dia dianggap wanita pertama yang dikenalpasti dalam *Midrash* sebagai Lilith yang disebut sebagai syaitan atau ‘hantu malam’. Menurut lagenda, nama Lilith berasal daripada bahasa Babylon yang merupakan istilah umum bagi semua roh yang berterbangan.⁴⁴ Biarpun Lilith dikaitkan dengan lagenda Judaisme, cerita mengenainya mula muncul dalam bentuk tulisan baji⁴⁵ pada tahun 2300 B.C.E.⁴⁶ di dalam cerita Inanna.⁴⁷

Perkataan “*liyliyth*” juga bermaksud “*Screech owl*” iaitu sejenis Burung Hantu seperti yang diterjemahkan di dalam *Isaiah 34:14* versi *King James*, manakala segelintir sarjana Judaisme merujuknya sebagai syaitan yang sama yang disebutkan di dalam kitab *Talmud*.⁴⁸ Terdapat

⁴⁴ Taitz, Emily et al. (2003), *The JPS Guide to Jewish Women*, Philadelphia: The Jewish Publication Society, h. 19.

⁴⁵ Tulisan baji ialah tulisan pada batu dan seumpamanya. Lihat Hawkins, Joyce M. (1995), *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, c. 12. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 72.

⁴⁶ B.C.E. adalah singkatan daripada perkataan “*Before The Common Era*”. Lihat *Illustrated Oxford Dictionary* (1988), t.t.p: Dorling Kindersley Limited and Oxford University Press. h. 75.

⁴⁷ Inanna ialah Dewi di kalangan orang Sumeria yang beribadat di tujuh bandar di selatan Mesopotamia. Namanya bermaksud “Wanita Syurga”. Lihat Yong, Sereniti (1999), *Encyclopedia of Women and World Religion*, Jil. 1, New York: Macmillan Reference USA, h. 466; Gottlieb (1995), *op.cit.*, h.38.

⁴⁸ *Talmud* ialah kitab pengajaran Yahudi. Huruf T biasanya digunakan sebagai istilah menyeluruh bagi *Mishnah* dan *Gemara* sebagai unit yang berasingan. Lihat Zwi Werblowsky dan Wigoder (1967), *op.cit.*, h. 373. *Talmud* juga merupakan kitab suci agama Yahudi selain kitab *Torah*. Menurut fakta sejarah, kitab ini pada awalnya adalah riwayat-riwayat yang diajar secara turun temurun, kemudian dibukukan dan dinamakan *Misyna* oleh pendeta bernama Yudas. Lihat Douglas(1962/1996), *op.cit.*, di bawah perkataan *Misyna*; Mohd. Rosmizi Abdul Rahman (2005), *op.cit.*, h. 94. Lihat juga <http://en.wikipedia.org> pada 19 Mac 2008.



Eve Dan Lilith Dalam Konsep Wanita Judaisme

juga kenyataan yang menyebut bahwa Lilith berasal dari kawasan purba di Sumeria. Dalam bahasa Sumeria, perkataan “*Lil*” bermaksud “udara”. Selain dari itu, terdapat beberapa istilah lain yang dirujuk kepada Lilith. Antara istilah tertua yang dikaitkan dengan Lilith adalah perkataan Sumeria “*Lili*” yang kata jamaknya “*Lilitu*” yang mempunyai makna yang sama dengan roh atau semangat. Menurut budaya purba, istilah yang sama untuk “udara” atau “bernafas” adalah “roh atau semangat”.

Oleh itu, secara umumnya, “*Lilitu*” adalah bermaksud sama ada dikategorikan sebagai ‘sejenis hantu dan syaitan’ tertentu atau boleh dirujuk sebagai ‘roh dan semangat’.⁴⁹

Sehubungan dengan itu, kisah Lilith menjadi suatu yang kontroversi dan amat sukar diterima oleh sebahagian besar penganut Judaisme sebagai salah satu asas kepada pembentukan pemahaman berhubung konsep wanita dalam Judaisme. Namun, menurut kajian sarjana teologi dalam Judaisme kepentingan peranan yang ditonjolkan oleh Lilith ini telah diletakkan sebagai ‘tirai pembuka’ kepada salah satu asas pembentukan konsep wanita Judaisme selain kisah Eve sebagai wanita pertama yang dikemukakan dalam *Torah*.

Lilith: Kontroversi Dan Kepentingannya

Umumnya, Lilith merupakan seseorang yang sangat kontroversi di dalam cerita rakyat Judaisme. Walaupun namanya tidak termasuk di dalam mana-mana fasal dalam *Genesis* dalam kitab *Torah*, namun cerita mengenainya muncul di dalam beberapa teks *Midrash*⁵⁰ dan *Talmud*.⁵¹ Atas alasan ini juga, Lilith dilihat sebagai salah satu asas kepada pembentukan konsep wanita Judaisme.

⁴⁹ Deen (1955), *op.cit.*, h. 11; <http://www.lilitu.com> pada 19 Mac 2008.

⁵⁰ *Midrash* ialah kitab yang memuatkan penemuan maksud-maksud yang berbeza daripada perkataan yang terdapat di dalam *Bible*. Ia diambil dari kata “*darash*” daripada bahasa Hebrew yang bermaksud “untuk bertanya” atau “untuk menyelidiki”, yang melambangkan bahawa ia adalah hasil penulisan yang menterjemahkan ayat-ayat suci Yahudi untuk tujuan mendapatkan implikasi-implikasi dan makna yang lengkap. Lihat Zwi Werblowsky dan Wigoder (1967), *op.cit.*, h. 261; Baker, William P. (1966), *Everyone in the Bible*, New York: Fleming H. Revell Company, h. 103; <http://www2.kenyon.edu> pada 19 Mac 2008.

⁵¹ Baker, *op.cit.*; <http://www.jesus-is-savior.com> pada 19 Mac 2008.



i. Lilith Sebagai Eve Pertama

Terdapat pelbagai cerita berhubung asal-usul Lilith. Sejarahnya yang paling popular adalah dia dilihat sebagai isteri pertama Adam,⁵² iaitu wanita yang dicipta lebih dahulu daripada Eve.⁵³

Menurut sejarah berhubung kisah Lilith ini, penciptaan beliau terkandung dalam *Alphabet of ben sirach*.⁵⁴ Sebelumnya, Lilith lebih dikenali sebagai hantu dan syaitan melebihi sebagai Eve pertama. Bagaimanapun, sesetengah sarjana Judaisme mengiktiraf Lilith sebagai Eve pertama, manakala sesetengah daripada mereka melihatnya sebagai hantu dan syaitan.⁵⁵

Lilith Sebagai Hantu atau Syaitan Yang Memberontak dan Membalas Dendam

Menurut cerita “*The First Eve*” yang merujuk kepada Lilith, Lilith diciptakan daripada angin malam dan api; dalam versi lain daripada lumpur dan paya⁵⁶ serta debu dan ditempatkan di syurga bersama-sama Adam sehingga timbul masalah di antara mereka. Ia berpunca daripada sikap dominasi Adam ke atas Lilith. Terdapat satu kisah yang menyatakan Lilith enggan berbaring di bawah Adam semasa hubungan kelamin.⁵⁷ Dengan peristiwa ini, Lilith telah memperjuangkan kebebasan dirinya sejak dari mula ketika hubungan kelamin mereka yang pertama.⁵⁸ Ini kerana Lilith percaya mereka berdua setaraf kerana dicipta daripada debu tanah. Selepas Adam tidak bersetuju dengan pendapatnya, Lilith melarikan diri dari

⁵² Taitz et al. (2003), *op.cit.*, h. 19. Lihat juga <http://www2.kenyon.edu> pada 19 Mac 2008.

⁵³ Gottlieb (1995), *op.cit.*, h. 54.

⁵⁴ *Alphabet of ben sirach* ialah teks pada kurun kelapan C.E. Lihat Gottlieb (1995), *op.cit.*, h. 54. *Ben Sira* atau *Sirach* ialah guru dan sarjana Palestin. Menurut teks *Hebrew*, nama pertamanya ialah Simeon. Beliau merupakan ahli kumpulan sarjana agama profesional yang menghasilkan sebuah buku terkenal bertajuk “*Wisdom of Ben Sira*”. Buku ini mengandungi peribahasa, perumpamaan dan nasihat praktikal dan moral serta kecintaan kepada kebijaksanaan, iaitu gaya dan ciri yang sama dengan buku peribahasa gereja. Ia juga mengandungi teks upacara gereja, doa-doa, puisi dan nyanian memuji Tuhan serta zikir. Lihat Zwi Werblowsky dan Wigoder (1967), *op.cit.*, h. 61.

⁵⁵ Philips (1984), *op.cit.*, h. 31; <http://www2.kenyon.edu> pada 19 Mac 2008.

⁵⁶ Philips (1984), *op.cit.*, h. 32; Deen (1955), *op.cit.*, h. 39.

⁵⁷ Deen (1955), *op.cit.*, h. 39; <http://www2.kenyon.edu> pada 19 Mac 2008.

⁵⁸ Gottlieb (1995), *op.cit.*, h. 54.



Eve Dan Lilith Dalam Konsep Wanita Judaisme

Syurga untuk memperoleh kebebasan dirinya. Adam memaklumkan kepada Tuhan bahawa Lilith telah pergi meninggalkannya dan Tuhan menghantar tiga Malaikat iaitu Senoi, Sansenoi dan Sammangelof untuk mencarinya. Mereka akhirnya menemui Lilith di dalam gua melahirkan anak-anaknya tetapi dia enggan kembali ke syurga. Tiga Malaikat tersebut mengatakan bahawa mereka akan membunuh 100 orang anaknya setiap hari sebagai balasan keengkaran tersebut.⁵⁹

Sebagai pembalas dendam, Lilith dikatakan merampas kanak-kanak dan bertanggungjawab terhadap kematian bayi yang baru dilahirkan dan bayi di buaian. Bayi lelaki berisiko menjadi sasaran kemarahan Lilith selama 8 hari selepas dilahirkan, manakala bayi perempuan selama 20 hari. Walaupun Lilith merampas nyawa kanak-kanak pada waktu malam, dia bersetuju tidak akan membunuh kanak-kanak yang dirahmati oleh salah satu daripada tiga Malaikat tersebut. Lilith cuba pulang ke syurga, tetapi ketika sampai dia mendapati Adam telah mempunyai pasangan baru iaitu Eve. Bagi menuntut bela, Lilith mengadakan hubungan kelamin dengan Adam ketika Adam sedang tidur dan mencuri “benihnya”. Dengan “benih” tersebut, dia melahirkan “*Lilium*” iaitu syaitan atau hantu pengganggu di bumi untuk menggantikan anak-anaknya yang dibunuh oleh Malaikat tersebut. Lilith juga disebut bertanggungjawab terhadap mimpi-mimpi berahi lelaki khususnya pada waktu malam. Terdapat teori yang mengatakan bahawa Lilith tidak pernah mengandung, tetapi melahirkan ramai hantu dan syaitan melalui masturbasi dan mimpi-mimpi berahi.⁶⁰

Lilith Sebagai Simbol Kuasa dan Kebebasan

Tedapat kumpulan-kumpulan yang berbeza dalam menterjemahkan simbol Lilith sama ada melihatnya sebagai simbol wanita perosak atau simbol kuasa wanita. Dalam hal ini, golongan feminis lebih menyanjungnya kerana melihat Lilith bukan hanya wanita pertama, tetapi juga wanita merdeka yang pertama diciptakan. Ini kerana dalam *Genesis*; dia enggan membenarkan Adam melakukan dominasi ke atas dirinya dan meninggalkan syurga tanpa menghiraukan akibatnya. Walaupun Lilith adalah individu

⁵⁹ Deen (1955), *op.cit.*, h. 45; <http://www2.kenyon.edu> pada 19 Mac 2008. Dalam peristiwa tersebut menurut kepercayaan tradisi lisan dalam Judaisme menjelaskan bahawa malaikat mengambil masa selama 8 hari bagi membunuh bayi lelaki dan 20 hari bagi bayi perempuan Lilith. Waktu yang sama diadaptasi oleh Lilith untuk menghapuskan bayi lelaki dan bayi perempuan sebagai pembalas dendam.

⁶⁰ *Ibid.*, h. 45.



yang kontroversi, namun bagi sesetengah golongan feminis melihatnya sebagai simbol kekuasaan.⁶¹

Sebagai contoh, terdapat majalah feminis Judaism yang diberi nama “Lilith” sesuai dengan imejnya sebagai “Majalah Wanita Judaism Yang Bebas”. Penerbit-penerbit menggunakan Lilith sebagai tajuk kerana mereka percaya bahawa dia adalah simbol kebebasan. Sebaliknya, golongan yang melihat Lilith sebagai hantu dan syaitan melabelkan feminis sebagai golongan yang membenci lelaki. Mereka juga melihat Lilith sebagai jahat dan berdendam kepada lelaki dan kanak-kanak. Dengan kata lain, apa jua simbol atau ikon yang digunakan oleh feminis khususnya dalam konteks keagamaan mana sekalipun pasti menimbulkan kontroversi dan percanggahan, sama ada cerita mengenai Lilith adalah tepat atau tidak bukanlah isu utama tetapi yang lebih penting adalah versi cerita “Eve Pertama” memperlihatkan Lilith sebagai contoh kepada ramai wanita Judaism dan wanita daripada agama-agama lain. Dalam hal ini, dia dilihat sebagai wanita bebas merdeka yang mencabar sistem yang bersifat menindas dalam kehidupannya. Mengambil nyawa kanak-kanak menggambarkan kegilaan tertentu akibat berseorangan dan disisihkan. Walau bagaimana pun, di sebalik segala aspek negatif, Lilith masih kekal sebagai simbol kuasa melalui kewujudan dan misteri dirinya.⁶²

Berasaskan perbincangan tersebut memperlihatkan Lilith sebagai wanita pejuang hak kebebasan diri dan enggan terikat kepada perintah dan dominasi lelaki walaupun kepada suaminya Adam. Lilith turut digambarkan sebagai telah melakukan dosa dan penderhakaan tetapi beliau tetap terus berjuang kerana berpendapat dirinya adalah benar dan dirinya juga berkuasa. Lilith menentang kuasa Tuhan dan suami. Ia berbeza dengan Eve yang amat mentaati Adam sebagai suaminya dan sentiasa bergandingan dalam menjalani kehidupan. Eve juga masih memiliki hak diri sebagai manusia yang mampu membuat keputusan untuk menerima ‘pelawaan’ syaitan memakan buah yang dilarang Tuhan, tetapi kemudiannya mengheret kepada penderhakaan. Ia menggambarkan bahawa keengganan mentaati perintah agama dan suami akan hanya membawa padah. Eve telah diletakkan sebagai wanita yang bertanggungjawab ke arah pembentukan

⁶¹ Gottlieb (1995), *op.cit.*, h. 73.

⁶² Deen (1955), *op.cit.*, h. 46; <http://www2.kenyon.edu> pada 19 Mac 2008.



original sin. Eve turut digambarkan menerima hukuman tuhan dengan taat dan tidak menentang.

PERSOALAN EVE DAN DOSA WARISAN

Di dalam *Old Testament*,⁶³ tidak ada kenyataan secara jelas menyatakan wujudnya doktrin dosa warisan. Malahan, dari segi teologinya, ajaran sedemikian tidak wujud langsung.⁶⁴ Bagaimanapun, menurut Genesis 2 dan 3, seorang wanita yang dirujuk kepada Eve telah mengingkari perintah *Yahweh Elohim* kerana dipengaruhi oleh seekor ular yang disebut “Serpent” melalui kata-kata dan kebijaksanaannya supaya Eve memakan buah daripada *the tree of the knowledge of good and evil* dan menyerahkan sebahagiannya kepada suaminya, Adam.⁶⁵ Genesis 2 dan 3 juga menyebut bahawa dosa Adam dan Eve memakan buah larangan menyebabkan mereka dikeluarkan dari syurga dan mengakibatkan segala bentuk cabaran dan bebanan kehidupan, penderitaan dan kesakitan dalam menghadapi kehidupan dan kematian telah memasuki dunia. Rabai-rabai Yahudi secara umumnya berpegang kepada pernyataan bahawa semua manusia mati disebabkan dosa Adam (pandangan terpesong ini diutarakan oleh R. Ammi di dalam *Shabb.55a*). Walaupun begitu, mereka tidak mengajarkan doktrin dosa warisan⁶⁶ sebagaimana yang diyakini dalam agama Kristian hasil daripada eksplorasi St. Paul, seorang rabai Yahudi yang dipercayai bertujuan menghancurkan identiti agama Nasrani dengan memperkenalkan ajaran mengenai doktrin dosa warisan yang berbeza daripada pemahaman asal ajaran Judaisme.⁶⁷

⁶³ *Old Testament* merupakan nama yang diberi oleh orang Kristian kepada Bible Yahudi berdasarkan ramalan berkaitan Jesus yang telah dipenuhi dengan kedatangan Jesus, sepetimana diceritakan semula secara mendalam dalam *New Testament*. Nama Hebrew bagi *Old Testament* ialah *Tanakh*. Lihat Zwi Werblowsky dan Wigoder (1967), *op.cit.*, h. 290; Douglas (1962/1996), *op.cit.*, di bawah perkataan *testamentum*.

⁶⁴ Baharuddin Malek (1999), “Doktrin Dosa Warisan Di Dalam Agama Kristian Dari Perspektif Roman Katholik: Satu Analisis”, Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 115.

⁶⁵ Khadijah Mohd. Khambali (2004), *op.cit.*, h. 77.

⁶⁶ Zwi Werblowsky dan Wigoder (1967), *op.cit.*, h. 141.

⁶⁷ Untuk mengetahuinya lebih lanjut, sila lihat Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (1995), “Triniti Menurut Agama Kristian”, *Jurnal Usuluddin*, bil. 2, Mei 1995, h. 29-53.



Bagaimana pun, terdapat pendapat (tanpa nama individu) yang mengatakan bahawa *Serpent* telah memindahkan kesakitan kepada Eve dan Eve pula mewariskannya kepada seluruh keturunannya.⁶⁸ Eve tidak diturunkan ke bumi tetapi peristiwa itu merupakan hukuman kerana sikap ingin tahu dengan memakan buah larangan di dalam syurga. Keadaan fizikal dan seksualiti Eve juga menjadi beban dan sumpahan kepadanya sehingga dia mesti melahirkan anak dalam kesakitan.⁶⁹

Antara karya-karya Hebrew yang dijumpai di dalam Bible Katholik ialah dalam *Ecclesiasticus* 25:19,24 yang bermaksud:⁷⁰

Tiada kejahanan yang setanding kejahanan seorang wanita...Dosa bermula dengan seorang perempuan dan kerananya kita semua harus mati.

Selain itu, rabai-rabai Yahudi menyenaraikan sembilan sumpahan yang ditimpakan ke atas kaum wanita sebagai hukuman kepada penurunan Adam dan Eve daripada syurga ke bumi:⁷¹

Bagi kaum wanita ditimpakan sumpahan-sumpahan dan kematian; beban darah haid dan darah perawan, beban kehamilan, beban melahirkan anak, beban membesarkan anak, kepala tertutup seperti orang sedang berkabung, dia menindik telinganya seperti hamba abdi atau hamba perempuan yang berkhidmat untuk tuannya, dia tidak boleh dipercayai sebagai saksi, dan setelah segalanya ialah kematian.

Secara umumnya, menurut Judaism, dosa merupakan salah laku

⁶⁸ *Ibid.* Kesakitan yang diwariskan oleh Eve kepada setiap keturunannya adalah kesakitan ketika haid, ketika berlakunya malam pertama yang menumpahkan darah perawan, kesakitan ketika hamil dan melahirkan zuriat manusia, kesakitan mendidik anak-anak. Sila rujuk Swidler, Leonard J. (1976), *Women in Judaism the Status of Women in Formative Judaism*, Metuchen. N.j.: Scarecrow Press, h. 96-97.

⁶⁹ Gottlieb (1995), *op.cit.*, h. 78.

⁷⁰ Swidler (1976), *op.cit.*, h. 96-97. Lihat <http://www.geocities.com> pada 11 Februari 2008.

⁷¹ Swidler (1976), *op.cit.*, h. 96-97. Lihat <http://global-dialogue.com> pada 23 Februari 2008. Lihat juga <http://www.geocities.com> pada 11 Februari 2008.



Eve Dan Lilith Dalam Konsep Wanita Judaism

yang dibuat atas kehendak sendiri serta naluri kejahatan yang terdapat di dalam diri manusia. Dosa juga merujuk kepada satu bentuk perbuatan yang melanggar undang-undang ataupun suatu kegagalan untuk mengikuti ajaran Taurat.⁷² Di samping itu, ajaran Judaism juga mempercayai manusia mewarisi perlakuan yang mendatangkan dosa akibat kesalahan pertama yang dilakukan oleh Adam dan Eve di dalam *Garden of Eden*. Implikasinya, semua manusia tidak dapat lari daripada melakukan dosa kerana kecenderungan manusia untuk melakukan dosa telah diwarisi daripada perbuatan Adam. Justeru, dosa warisan yang dimaksudkan di dalam Judaism merujuk kepada kecenderungan melakukan dosa dan perlakuan ke arah dosa tersebut yang diwarisi daripada Adam.⁷³

Dengan kata lain, setiap manusia tidak menanggung dosa yang tidak dilakukan olehnya. Ini bermakna dosa tersebut lebih bersifat individu bukannya sejagat.⁷⁴ Malahan, dosa daripada perspektif Judaism lebih bersifat moral berbanding teologi dan hampir tiada langsung perbincangan yang dilakukan berkaitan dosa warisan atau perbezaan hakikat manusia di antara waktu sebelum dan selepas Adam dan Eve melakukan dosa tersebut.⁷⁵ Dalam hal ini, Judaism menetapkan bahawa setiap dosa yang dilakukan adalah tanggungjawab pelakunya. Ini dinyatakan dalam *Deuteronomy* 24:16:⁷⁶

The fathers shall not be put to death for the children, neither shall the children be put to death for the fathers: every man shall be put to death for his own sin.

Dalam *Ezeikel* 18:20 juga dinyatakan:⁷⁷

The soul that sinneth, it shall die. The son shall not bear the iniquity of the father; neither shall the father bear the iniquity of the son: the righteousness of the

⁷² Wigoder, Geoffrey (1989), *The Encyclopedia of Judaism*, New York: Macmillan Publishing Company, h. 658.

⁷³ Hastings, James (1920), *Encyclopedia of Religion and Ethics*, j. 2. Edinburgh: T.T Clarke, h. 558.

⁷⁴ Baharuddin Malek (1999), *op.cit.*, h. 169.

⁷⁵ Wigoder (1989), *op.cit.*, h. 659.

⁷⁶ *The Holy Bible* (t.t.), *op.cit.*, h. 239.

⁷⁷ *Ibid.*, h. 869.



*righteous shall be upon him, and the wickedness of
the wicked shall be upon him.*

Bagaimanapun, di dalam Judaisme, terdapat satu upacara penebusan dosa yang menggunakan darah sebagai penghapus dosa manusia. Namun, dosa yang dimaksudkan di sini bukanlah dosa warisan. Hari untuk upacara tersebut dikenali sebagai *Day of Atonement*.⁷⁸ Antara tujuan utama perayaan ini adalah penyucian dosa bangsa Yahudi. Seorang ketua pendeta Yahudi akan membuat pengakuan yang benar tentang dosa bangsa Yahudi melalui seekor kambing yang diperuntukkan kepada Azazel,⁷⁹ iaitu sebuah tempat untuk menghantar korban.⁸⁰ Secara umumnya, menurut *Old Testament*, perkara berkaitan *Day of Atonement* dinyatakan dalam *Leviticus* 16: 1-34, *Numbers* 29: 7-11 dan *Exodus* 30: 10.

Bertitik tolak daripada perbincangan tersebut adalah jelas bahawa dalam persoalan dosa warisan menurut pemahaman Judaisme, peranan Eve tidaklah sebesar seperti yang dipercayai di dalam agama Kristian. Agama Kristian melihat dosa Eve diwarisi oleh seluruh keturunannya. Justeru, Eve bertanggungjawab terhadap dosanya sendiri, dosa Adam, dosa awal bagi seluruh umat manusia dan juga kematian Jesus Christ, anak Tuhan yang disalib⁸¹ hanya semata-mata untuk menghapuskan dosa warisan akibat daripada perbuatan Eve dan Adam.⁸²

⁷⁸ Dalam bahasa Hebrew, *Day of Atonement* disebut sebagai *Yom Kippur*. Ia merupakan saat paling penting dalam kalender Yahudi yang jatuh pada 10 *Tishri*. Secara rasmi, ia dikategorikan sebagai perayaan (*Leviticus* 23: 26-32). Lihat Zwi Werblowsky dan Wigoder (1967), *op.cit.*, h. 48. Lihat juga Smart, Ninian dan Hecht, Richard D. (1983), *Sacred Texts of the World a Universal Anthology*, Great Britain: Macmillan References Books, h. 67. Lihat juga Brandon, S. G. F. (1970), *A Dictionary of Comparative Religion*, London: Weidenfeld & Nicolson, h. 114.

⁷⁹ Azazel disebutkan di dalam *Leviticus* 16 berkaitan upacara keagamaan pada *Day of Atonement*. Dua ekor kambing digunakan oleh ketua pendeta iaitu seekor ditujukan kepada Tuhan dan seekor lagi kepada Azazel. Lihat Zwi Werblowsky dan Wigoder (1967), *op.cit.*, h. 52. Menurut Islam pula, Azazel ialah syaitan yang enggan tunduk sujud kepada Nabi Adam seperti yang diperintahkan oleh Allah selepas Adam diciptakan. Bangsa Yahudi juga mempercayai kewujudan Azazel. Lihat Baharuddin Malek (1999), *op.cit.*, h. 167.

⁸⁰ Zwi Werblowsky dan Wigoder (1967), *op.cit.*, h. 52.

⁸¹ Keene, Michael (1995), *The Catholic Experience Living Faith*, England: Stanley Thomes Ltd., h. 110; <http://www.geocities.com> pada 11 Februari 2008.

⁸² Untuk mengetahuinya lebih lanjut sila lihat Khadijah Mohd. Khambali (2004), *op.cit.*.



KESIMPULAN

Berasaskan kepada perbincangan-perbincangan tersebut di atas, pemahaman berhubung konsep wanita dalam Judaism adalah berasaskan kepada dua orang wanita pertama yang dirujuk kepada Eve dan Lilith. Kedua-dua wanita ini digambarkan sebagai dua orang wanita yang memiliki personaliti yang jauh berbeza. Kedua-dua wanita tersebut turut ditonjolkan sebagai wanita yang mempunyai suami tetapi berbeza daripada aspek ketaatan dan tanggungjawab terhadap kekeluargaan. Walaupun kedua-dua wanita tersebut telah melakukan kesalahan, namun dari aspek kesediaan menerima hukuman yang digambarkan oleh Eve dan keengganan Lilith mematuhi arahan tuhan untuk menerima hukuman; sebaliknya Lilith terus berjuang menuntut kebebasan dirinya dan haknya dilihat sebagai asas kepada pembentukan konsep wanita dalam Judaism.

Sehubungan dengan itu, asas pembentukan pemahaman konsep wanita dalam Judaism adalah berbeza daripada agama dan masyarakat lain kerana ia dirujuk kepada pernyataan *Torah* yang mengemukakan Eve sebagai wanita pertama ciptaan tuhan dan dirujuk juga kepada kisah dan tradisi lisan popular dalam masyarakat Judaism yang menonjolkan Lilith sebagai wanita pertama ciptaan tuhan sebelum ciptaan Eve. Justeru, secara tidak langsung kedua-dua wanita ini menjadi sumber utama kepada pembentukan pemahaman konsep wanita dalam kepercayaan Judaism. Selain dari itu, kisah Lilith khususnya telah turut menjadi asas kepada pembentukan pemahaman golongan feminism secara umumnya dalam memperjuangkan hak wanita yang meletakkan Lilith sebagai simbol perjuangan dan kekuasaan wanita.

Peranan dan tanggungjawab Eve dan Lilith yang berbeza menjadi kunci utama untuk memahami konsep wanita dalam Judaism. Ini bererti sama ada Eve mahupun Lilith; kedua-dua wanita ini telah menyumbangkan idea kepada pembentukan pemahaman wanita dalam Judaism. Walau bagaimanapun, merujuk kepada perbincangan ini kita dapati bahawa Eve lebih berperanan dalam menentukan konsep wanita dalam Judaism berbanding Lilith yang lebih dilihat sebagai simbol kepada gerakan feminism semata. Eve lebih menonjol sebagai kunci utama ke arah pembentukan pemikiran konsep wanita dalam Judaism yang sebenar berdasarkan pernyataan-pernyataan yang berkaitan dengan kisahnya dan Adam sehingga kepada peristiwa penderhakaannya kepada tuhan. Melalui plot penceritaan kisah dan pernyataan Eve di dalam *Torah*



Jurnal Usuluddin

dijadikan asas utama kepada pembentukan idea wanita Judaisme. Lilith lebih digambarkan sebagai simbol perjuangan gerakan feminism. Justeru, layaknya Lilith hanya sebagai kisah legenda semata berbanding Eve yang lebih membawa kepada penonjolan konsep wanita Judaisme.

RUJUKAN

Baharuddin Malek (1999), “Doktrin Dosa Warisan Di Dalam Agama Kristian Dari Perspektif Roman Katholik: Satu Analisis,” Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Baker, William P. (1966), *Everyone in the Bible*, New York: Fleming H. Revell Company.

Bon Hoeffer, Dietrich (1978), *Creation and Fall*, New York: Macmillan Publishing, C., Inc.

Botterweck, G. Johannes dan Ringgren, Helmer (eds.) (1974), *Theological Dictionary of the Old Testament*, Grand Rapids: William B. Eerdmans Publishing Company.

Brandon, S. G. F. (1970), *A Dictionary of Comparative Religion*, London: Weidenfeld & Nicolson.

Bucaille, Maurice (1990), *The Bible, the Qur'an and Science*, New Delhi: Johar Offset Press.

Deen, Edith (1955.), *All of the Woman of the Bible*, New York: Harpers and Brothers Publisher.

Douglas, J. D. (1962/1996), *The New Bible and Dictionary Bible*, London: The InterVarsity Fellowship.

Ellicot, Charles John (1954), *Ellicot's Commentary on the Whole Bible*,



Eve Dan Lilith Dalam Konsep Wanita Judaism

Grand Rapids: Zondervan Publishing House.

Goldstein, Elyse M. (2003), *Seek Her Out a Textual Approach to the Study of Women in Judaism*, New York: UAHC Press.

Gottlieb, Lynn (1995), *She Who Dwells Within a Feminist Vision of a Renewed Judaism*, U.S.A: Harper San Francisco.

Guthrie, D. et al. (1970), *The New Bible Commentary Revised*, London: Intervarsity Press.

Hastings, James (1920), *Encyclopedia of Religion and Ethics*, j. 2, Edinburgh: T.T Clarke.

Hawkins, Joyce M. (1995), *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, c. 12, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd..

Hook, Walter Farquhar (1952), *Church Dictionary*, London: John Murray, Albertmark Street.

Hornby, A.S. (2007), *Oxford Compact Advanced Learner's English-Malay Dictionary*, Asmah Haji Omar (terj.), Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

<http://en.wikipedia.org> pada 19 Mac 2008.

<http://global-dialogue.com> pada 23 Februari 2008.

<http://www.allaboutcreation.org> pada 19 Mac 2008.

<http://www.jesus-is-savior.com> pada 19 Mac 2008.

<http://www.lilitu.com> pada 19 Mac 2008.

<http://www.torah.org> pada 19 Mac 2008.



Jurnal Usuluddin

http://www2.kenyon.edu pada 19 Mac 2008.

Jerusalem (1972), *Encyclopaedia Judaica*, Jerusalem: Keter Publishing House.

Keene, Michael (1995), *The Catholic Experience Living Faith*, England: Stanley Thomes (Publishers) Ltd.

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (1995), “Triniti Menurut Agama Kristian”, *Jurnal Usuluddin*, bil. 2, Mei 1995.

Khadijah Mohd. Khambali (2004), “Interpretations of Eternal Tree (Shajaratul-Khuldi) According To Christian Scholars and Mufassirun,” Tesis Ph.D, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Messenger, Ernest C. (1931), *Evolution and Theology*, London: Burn Oates and Washbourne, Ltd.

Michigan (1996), *The Holy Bible, New International Version Containing the Old Testament and New Testament*, Michigan: Grand Rapids.

Mohd Fauzi bin Haji Awang (1971), *Ugama-Ugama Di Dunia*, Kelantan: Pustaka Aman Press.

Mohd. Rosmizi Abdul Rahman (2005), *Panduan Memilih Agama*, Pahang: PTS Milennia Sdn. Bhd.

Molman, Jurgen (1985), *God in Creation*, San Fransisco: Harper and Row Publisher.

Oxford (1992), *Dictionary of Saints*, 3rd edition, New York: Oxford University Press.

Philips, John A. (1984), *Eve*, San Fransisco: Harper and Row Publisher.



Eve Dan Lilith Dalam Konsep Wanita Judaisme

Smart, Ninian dan Hecht, Richard D. (1983), *Sacred Texts of the World an Universal Anthology*, Great Britain: Macmillan References Books.

St. Augustine (1950/1999/2000), *The City of God*, Marcus Dods, D.D. (terj.), New York: The Modern Library.

Swidler, Leonard J. (1976), *Women in Judaism the Status of Women in Formative Judaism*, Metuchen. N. J.: Scarecrow Press.

Taitz, Emily et al. (2003), *The JPS Guide to Jewish Women*, Philadelphia: The Jewish Publication Society.

The Holy Bible (t.t.), London: Eyre and Spottiswoode Limited.

Wigoder, Geoffrey (1989), *Illustrated Oxford Dictionary*, t.t.p.: Dorling Kindersley Limited and Oxford University Press.

Yong, Sereniti (1999), *Encyclopedia of Women and World Religion*, Jil. 1, New York: Macmillan Reference USA.

Zwi Werblowsky, R. J. dan Wigoder, Geoffrey (1967), *The Encyclopedia of the Jewish Religion*, Jurusalem: Massada Press LTD.

